

53 layak tanding ahli MT

BH 20 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Ahad— Lima puluh tiga daripada 101 ahli Umno melayakkan diri untuk bertanding mengisi 25 kekosongan jawatan sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT), selepas kiraan ke atas 71 bahagian dilakukan petang ini.

Antara calon popular yang menerima pencalonan hampir daripada seluruh bahagian ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid dan Menteri Besar Perak, Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Beberapa tokoh veteran seperti bekas Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan bekas Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, masih menerima pencalonan walaupun tidak begitu memberangsangkan.

Turut menerima pencalonan ialah hampir semua calon naib presiden seperti Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Datuk Dr Rais Yatim, Datuk Ghani Othman dan Tan Sri Abdul Isa Samad.

Bagaimanapun, pencalonan untuk mereka tidak be-

gitu menyerlah berikutan semua bahagian lebih memberi tumpuan kepada persaingan sengit bagi tiga jawatan naib presiden.

Beberapa tokoh pelapis terutama ahli Parlimen seperti Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Pengerusi Mara, Datuk Ruhanie Ahmad, turut menerima pencalonan agak memuaskan.

Calon wanita pula menyaksikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, mendahului senarai dengan 39 pencalonan, ahli Eco Pergerakan Wanita Umno,

Datuk Maznah Hamid, Dr Nurraesah Mohamad dan Raja Ropiah Raja Abdullah, dijangka tidak menghadapi masalah untuk melayakkan diri.

Walaupun baru kali pertama menawarkan diri untuk bertanding Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mahadzir Khir, turut menerima pencalonan dari beberapa bahagian.

Manakala hasrat tokoh veteran, Datuk Shahrir Samad, untuk kembali aktif di gelanggang politik, kelihatan mendapat sambutan baik dari ahli-ahli Umno di peringkat akar umbi.